

01/04/2000

Kerajaan Singapura wajar disiplinkan akhbar: Muhyiddin

KANGAR, Jumaat - Kerajaan Singapura digesa mengambil tindakan wajar bagi mendisiplinkan akhbar di negara itu kerana sengaja cuba memburuk-burukkan imej Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata sikap biadap akhbar negara itu mempertikai hal ehwal dalaman Malaysia bukan pertama kali berlaku.

Katanya, sekiranya perbuatan tidak sensitif akhbar di negara itu dibiarkan, ia boleh menjejaskan hubungan istimewa antara Malaysia dan Singapura yang terjalin selama ini.

"Walaupun akhbar diberi kebebasan menyuarakan pendapat, Kerajaan Singapura perlu mengambil tindakan sekiranya ada penulisan yang boleh menjejaskan hubungan dua hala dengan negara jirannya.

"Jika dilihat daripada kandungan penulisan terbabit, tidak mustahil ada dalang di sebalik laporan itu," katanya, di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan The Straits Times Singapura yang antara lain mengkritik Malaysia sebagai satu-satunya negara di Asia yang tidak mengalami perubahan kepemimpinan pada dekad lalu dan dasar ekonomi negara ketika krisis Asia, terutama kawalan modal terpilih.

Kolumnis akhbar itu, Chua Lee Hoong, turut menggunakan perkataan kurang sopan apabila memanggil Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai 'top dog' Malaysia.

Muhyiddin berkata, tulisan Chua itu mengandungi unsur subversif kerana cuba menghasut rakyat Malaysia supaya hilang keyakinan dan membenci pucuk kepemimpinan negara.

Katanya, tulisan berniat jahat itu penuh dengan muslihat bagi menjatuhkan imej dan kewibawaan negara serta menjejaskan kestabilan ekonominya.

"Mungkin penulis dan pihak di belakangnya tidak senang melihat kemajuan yang dicapai oleh Malaysia kerana mereka menganggap ia menjadi saingan kepada Singapura.

"Sebaliknya, dasar kita ialah berbaik-baik dan membantu negara jirannya seperti kita menyalurkan bekalan air kepada Singapura. Dari sudut itu, hubungan Malaysia-Singapura adalah istimewa," katanya.

Sehubungan itu, Muhyiddin berkata, Kerajaan Singapura perlu memastikan akhbar negara itu lebih bertanggungjawab apabila melaporkan mengenai negara jirannya.

Sementara itu, Muhyiddin mengucapkan terima kasih kepada Umno bahagian, termasuk Kubang Pasu yang mencalonkan beliau sebagai calon naib presiden.

Beliau berkata, sokongan daripada perwakilan bahagian yang mencalonkan beliau memberi galakan serta menguatkan semangatnya untuk berkhidmat kepada parti dan negara.

Ditanya adakah pencalonan daripada Umno bahagian Kubang Pasu itu sebagai bonus, Muhyiddin berkata: "Saya ucapkan terima kasih tapi tidak perlu komen lanjut kerana nanti ada orang kata saya membesar-besarkan perkara berkenaan."

(END)